

From | Control Union (Malaysia) Sdn. Bhd.  
B-3-1, Prima Klang Avenue, Jalan Kota KS/1,  
41100 Klang, Selangor, Malaysia  
Subject | **JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PERSIJILAN  
RSPO BAGI WILMAR INTERNATIONAL LIMITED – PPB SABAHMAS POM**  
Date | 20-9-2018

Kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Wilmar International Limited – PPB Sabahmas POM adalah sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan aktiviti pensijilan semula selaras dengan Malaysia National Interpretation (MYNI 2015) daripada RSPO Principle & Criteria 2013 seperti diluluskan oleh RSPO Secretariat pada 6 Mac 2015, dan RSPO Supply Chain Certification Standard (21st November 2014) disemak semula pada 14 Jun 2017, untuk pengeluaran minyak kelapa sawitnya.

Penilaian persijilan semula dirancang untuk dimulakan pada 15/10/2018 dan akan berakhir pada 19/10/2018.

<b>Pemohon</b>	Wilmar International Limited – PPB Sabahmas POM
<b>Butiran Kenalan</b>	Mr Edrin Moss Group Manager - Sustainability 8th Floor, UBN Tower, No.10 Jalan P.Ramlee, Kuala Lumpur, Malaysia <a href="mailto:edrin.moss@my.wilmar-intl.com">edrin.moss@my.wilmar-intl.com</a>
<b>No. Keahlian RSPO</b>	<b>2-0017-05-000-00</b> <b>Wilmar International Limited</b>
<b>Maklumat pemohon secara ringkas</b>	Wilmar International Limited, yang ditubuhkan pada tahun 1991 dan beribu pejabat di Singapura, kini merupakan kumpulan agribisnis terkemuka di Asia. Wilmar tersenarai di kalangan syarikat terbesar oleh permodalan pasaran di Bursa Singapura. PPB Oil Palms Berhad adalah anak syarikat Wilmar International Limited dan kumpulan perladangan utama yang terlibat dalam penanaman kelapa sawit dan pengilangan buah tandan segar. Kumpulan kini memiliki (100% / major stake) dan mengendalikan 12 ladang berjumlah 75878.27 hektar dan 8 kilang minyak kelapa sawit di Sabah dan Sarawak.  Kilang Sawit Sabahmas merupakan kilang yang terletak di Sabah, dan memproses BTS dari estet sendiri iaitu Sabahmas Estate serta menerima BTS dari pihak ketiga.

KILANG SAWIT UNTUK PENILAIAN INI						
Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Ramalan Pengeluaran Tahunan (MT)	
(POM)	MT/Jam	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	PK
Sabahmas Palm Oil Mill	40	KM22, Jalan Sri Putatan, Off Jalan Dam, 91113 Lahad Datu, Sabah, Malaysia	118° 24' 19.409" E	05° 10' 37.961" N	32,986.78	5,970.04

PEMBEKAL BTS KE KILANG SAWIT YANG TERLIBAT DALAM PENILAIAN INI							
Nama Ladang	Lokasi		Rujukan GPS		Ringkasan Jumlah Kawasan (ha)		Anggaran Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
	Alamat	Longitude	Latitude	Jumlah Kawasan	Jumlah Matang		
Sabahmas Estate	Jalan Dam, Lahad Datu, Sabah, Malaysia	118° 24' 23.127" E	5° 10' 33.675" N	10,477.20	6,743.14	134,000	
<b>Total</b>				10,477.20	6,743.14	134,000	

Maklumat terperinci mengenai pasukan audit:

**PENTAKSIR UTAMA**

**Mohd Fadzli Bistamam**

Lulusan kelayakan lepasan dalam bidang pertanian dengan lebih daripada 5 tahun pengalaman bekerja di pelbagai syarikat perladangan. Sepenuhnya dilatih dalam program pensijilan pertanian yang serupa seperti RSPO dan SCCS. Dilengkapkan dan disahkan ISO 9001: 2008, menghadiri kursus RSPO Lead Auditor pada bulan November 2014 dan berkelayakan lain yang berkelayakan seperti ISCC. Terlibat dalam penilaian RSPO sejak 2014. Ahli pasukan audit CSP RSPO. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perladangan. Fasih berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia / Indonesia.

**PENTAKSIR SOKONGAN**

**Nor Ashikin Shafinaz**

Graduan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Chemical Engineering. Menjadi sebahagian RSPO P&C dan SCC ahli untuk audit di Malaysia and Indonesia. Terlatih untuk ISO 9001 and GAP. Fasih berbahasa Inggris dan Bahasa Malaysia / Indonesia.

**Zulkarnain Bin Ishak**

Hampir 10 tahun pengalaman di Sime Darby Plantation melakukan audit, konsultasi, memimpin dan menyediakan prosedur berkenaan Sustainability, Environmental, Safety & Health, management system dan operation. Menghadiri Leadership Core Executive Programme 1 (CEP) training, certified EMS – MS ISO 14001 Lead Auditor oleh SIRIM, MSPO Lead Auditor, Peer Reviewer MSPO, Integrated Internal Audit management systems (QMS, EMS and OHSAS), SHO (Safety and Health Officer) oleh NIOSH, RSPO P&C Lead Auditor, RSPO Supply Chain Lead Auditor dan ISCC Training.

Control Union Malaysia Sdn Bhd adalah anak syarikat Control Union World Group – sebuah Syarikat Pemeriksaan dan Persijilan Antarabangsa. CUC menjalankan penilaian dan persijilan di pelbagai bidang pertanian seperti FSC, RSPO Pengeluaran Organic, Sustainable Textile Production, Organic Exchange, Globalgap, HACCP, BRC, GMP dan GTP. CUC adalah ditauliahkan secara rasmi oleh Dutch Council of Accreditation (RVA) dengan Standard Kualiti European EN 45011 untuk pemeriksaan dan persijilan bagi Program Organik CU (mengikut peraturan EU 2092/91) dan Program GLOBALGAP. Jika ada permintaan, salinan sijil pertaulahan boleh didapati daripada CU.

Perundingan pihak-pihak yang berkepentingan adalah sesuatu yang penting dalam proses sertifikasi di mana semua pihak kepentingan diseru untuk memberitahu pandangan masing-masing dan memberi pandangan sama ada unit sertifikasi mematuhi kepada keperluan standard RSPO 2013.

Kami mengundang semua pihak-pihak yang berkepentingan untuk ikut serta dalam prosedur perundingan dimana anda dapat memberikan sumbangan yang positif atau sebaliknya kepada keputusan pensijilan. Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mail kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu di bawah ini:

- Perlindungan Persekutaran
- Pemuliharaan kepelbagaian Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini
- Salinan Standard RSPO untuk setiap negara, tersedia di laman [www.rspo.org](http://www.rspo.org). Atau hubungi Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk mendapatkan salinan tersebut

Sila ajukan komen anda kepada:

<b>Pejabat Control Union Malaysia</b>
Cheah Chi Ern, <b>Scheme Coordinator,</b> B-3-1, Prima Klang Avenue, Jalan Kota KS/1, 41100 Klang, Selangor, Malaysia  E-Mail: <a href="mailto:cecheah@controlunion.com">cecheah@controlunion.com</a> Fax: +603 3377 1800

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini. Sila sertakan maklumat berikut jika kami perlu untuk menghubungi anda untuk mendapat penjelasan mengenai apa-apa isu-isu yang dibangkitkan:

Nama	:	<hr/>
Alamat	:	<hr/>
E-Mel	:	<hr/>
Nombor Telefon	:	<hr/>
Ringkasan Isu	:	<div style="border: 1px solid black; height: 150px; width: 100%;"></div>

Kami ucapkan terima kasih atas penyertaan dan maklumbalasnya.

Hormat kami,



---

Cheah Chi Ern  
**Scheme Coordinator,**  
Control Union Malaysia Sdn Bhd